

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN RANGKAIAN PEMASANGAN PROTON TIGA PINTU

TEMPAT: PEKAN, PAHANG

TARIKH: 12 NOV 1994

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Saya mengucapkan tahniah kepada PROTON dan DRB kerana telah berjaya mengeluarkan Proton Tiga Pintu atau Proton Variant dalam suatu jangka masa yang singkat selepas memorandum persefahaman di antara kedua-dua pihak ditandatangani.

2. Kejayaan projek ini merupakan satu lagi kebanggaan negara dalam bidang industri otomotif. Kejayaan ini adalah lebih 'significant' daripada kejayaan yang lepas kerana ianya adalah hasil kerjasama dan perkongsian kepakaran teknologi di kalangan syarikat-syarikat Malaysia.

3. Jika selama ini kita hanya bergantung dan mengharapkan kepada orang lain untuk pemindahan teknologi, kali ini pengusaha-pengusaha industri otomotif Malaysia sudah makin hampir kepada tahap berdikari. Pengemblengan kepakaran dan tenaga mahir serta penggabungan pengalaman kita sendiri telah memberikan hasil yang memuaskan.

4. Saya masih ingat semasa Kerajaan mula menyatakan hasrat untuk mengeluarkan kereta nasional sendiri kira-kira 10 tahun yang lalu. Hasrat tersebut diterima dengan sinis dan skeptik oleh sebahagian daripada rakyat kita sendiri. Akan tetapi setelah siri Proton Saga memenuhi jalan raya kita, kita bukan sahaja berjaya membuka mata mereka malah Malaysia telah menjadi tumpuan industri otomotif negara maju dalam bidang ini.

5. Sebagaimana yang kita maklum, pada masa ini Proton Saga terdapat di jalan-jalan raya di beberapa negara Eropah dan Asia. Ini satu bukti yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun bahawa teknologi otomotif kita diakui dan diiktiraf oleh negara-negara lain termasuk negara-negara maju. Ini juga satu kenyataan bahawa kualiti produk negara kita sudah mencapai taraf antarabangsa, hasil kegigihan serta disiplin tinggi rakyat kita sendiri.

6. Berasaskan perkembangan tersebut saya yakin bahawa dalam tempoh yang singkat Proton Variant ini juga akan dapat kita eksport seperti Proton Saga. Oleh yang demikian saya berharap PROTON dan DRB dapat mengambil bahagian yang aktif dalam pemasaran kenderaan dunia yang semakin cergas dan penuh persaingan semoga kita dapat berdiri sama tinggi

dengan pengusaha-pengusaha otomotif dunia.

7. Beberapa bulan yang lalu saya sendiri telah hadir menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman usahasama antara Proton, DRB dan Citroen di Paris dalam usaha mengeluarkan kereta-kereta yang menggunakan teknologi barat, khususnya teknologi dari Perancis. Pelaksanaan usahasama yang terbaru ini sekali lagi akan meletakkan Malaysia di tahap unggul dalam masyarakat antarabangsa terutama dalam industri otomotif.

8. Ketiga-tiga pihak ini akan mengeluarkan kereta-kereta penumpang separuh mewah versi Malaysia secara usahasama. Ia akan menggunakan kedua-dua jenis enjin, iaitu petrol dan juga diesel. Dalam pandu uji yang saya lakukan di kompleks kilang Citroen di Paris saya dapati teknologi diesel terbaru Perancis adalah di antara yang terbaik. Ia tidak lagi mengeluarkan asap yang tebal atau bunyi yang bising seperti enjin diesel jenis lama. Bahkan kita tidak dapat membezakan yang mana petrol dan yang mana diesel. Oleh itu dalam usaha kita menjaga alam sekitar serta mengawal pencemaran udara, penggunaan enjin diesel terbaru ini adalah sangat sesuai.

9. Sehubungan dengan itu sukalah saya menasihatkan pengusaha-pengusaha industri otomotif dan syarikat-syarikat lain yang bergiat dalam bidang kejenteraan agar mengkaji dengan serius kemungkinan menerapkan penggunaan teknologi terbaru diesel ini ke dalam kegiatan mereka di sini. Setiap syarikat terbabit perlu memperkukuhkan unit Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) masing-masing untuk menjalankan kajian kemungkinan, mengubahsuai serta mengemaskinikan proses tersebut.

10. Jika didapati pemindahan teknologi diesel ini lebih baik, lebih menguntungkan dan lebih selamat maka kita perlulah mengambil kesempatan ini dengan sebaik mungkin. Kerajaan telah pun memberi kemudahan kepada pengusaha-pengusaha dengan menurunkan kadar cukai import jentera-jentera diesel sebagaimana yang dikemukakan dalam Anggaran Belanjawan 1995.

11. Selain daripada itu elok juga kita melihat kepada skop yang lebih luas dalam perkembangan perdagangan dunia semasa. Perubahan politik yang berlaku ke atas Soviet Russia dan perubahan sikap di beberapa negara sosialis di Eropah dan Asia telah membuka banyak peluang kepada kita untuk berkembang. Pengusaha-pengusaha Malaysia dalam semua bidang dan jurusan harus melihat dengan lebih serius tentang kemungkinan dan potensi melabur di luar negara.

12. Dalam bidang industri otomotif khususnya, selain negara-negara ASEAN, Republik Rakyat China, Vietnam dan beberapa buah negara Eropah Timur merupakan destinasi berdaya maju untuk diterokai oleh pengusaha industri otomotif Malaysia. Dalam hal ini tidak semestinya setiap syarikat perlu bergerak bersendirian dan bersaing di antara satu dengan lain di tempat orang. Mungkin lebih bijak jika

beberapa syarikat bergabung tenaga dalam sebuah konsortium menubuhkan kilang-kilang kereta di negara-negara berkenaan secara usahasama dengan pihak tempatan.

13. Republik Rakyat China merupakan destinasi terunggul di Asia pada masa ini. Selain tenaga kerja yang lebih murah dan bahan mentah yang banyak, negara itu sendiri adalah pasaran yang terbesar. Perhubungan baik yang terjalin di antara Malaysia dengan negara tersebut lebih memudahkan lagi usaha ini. Tempat-tempat lain juga boleh dikaji untuk diterokai untuk tujuan ini. Yang penting ialah sudah sampai masanya untuk kita berkembang keluar dan mencari pasaran luar yang lebih luas.

14. Saya yakin perkara ini boleh dilaksanakan jika kita benar-benar komited. Projek usahasama antara DRB dengan The Philippines Auto Corporation untuk memasang kereta-kereta buatan Malaysia, Jepun dan Korea di Filipina adalah satu contoh yang jelas. Jika ini dapat kita perluaskan dengan peranan Malaysia yang lebih besar dan melibatkan lebih banyak syarikat kita, maka tidak mustahil suatu masa nanti Malaysia akan lahir sebagai salah satu negara otomotif yang terkenal di dunia.

15. Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada PROTON dan DRB di atas kejayaan usahasama mereka ini. Gabungan dua badan korporat nasional ini merupakan titik tolak terbaru dalam usaha ke arah mencapai wawasan negara. Saya berharap agar kedua-dua pihak akan meneruskan cita-cita murni ini ke arah yang lebih cemerlang dengan terlaksananya usahasama mereka dengan syarikat Citroen nanti. Sesudah itu mereka diharapkan akan menjangkau ke destinasi yang lebih jauh dan dalam bidang yang lebih luas.

16. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Rangkaian Pemasangan Kereta Usahasama PROTON dan DRB (USPD) dan seterusnya menamakan Proton keluarannya dengan nama PROTON SATRIA.
Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.